

25/09/1998

Jawatankuasa kaji kesan IT

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC) menubuhkan lima jawatankuasa bagi mengkaji kesan teknologi maklumat (IT) terhadap kehidupan rakyat Malaysia dan dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi NITC, berkata mesyuarat hari ini membincangkan kemajuan Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Jawatankuasa ini akan mengkaji perkara yang mungkin akan terjadi dengan adanya IT terhadap komuniti, perkhidmatan awam, pembelajaran, ekonomi dan kedaulatan," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat NITC di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Pada sidang akhbar yang sama, Pengerusi Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Othman Yeop Abdullah, berkata 175 syarikat sudah mendapat status MSC daripada 242 permohonan yang diterima setakat ini dengan nilai pelaburan RM3 bilion.

(END)